

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 MARCH 2015

# Bersatu memperingati insiden MH370

um - 9/3/2015

**KUALA LUMPUR 8 Mac** - Sempena genap setahun insiden kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 hari ini, Datuk Seri Najib Tun Razak menyeru kepada seluruh rakyat di negara ini agar bersatu dalam memperingati dan memberi penghormatan kepada semua mangsa tragedi tersebut.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia berdoa untuk semua 239 mangsa termasuk 50 warga tempatan dan orang tersayang yang mereka tinggalkan serta turut berkongsi kesedihan yang mereka alami.

Pada masa sama, Najib menegaskan, Malaysia tetap komited meneruskan pencarian dan berharap pesawat MH370 akan ditemukan.

"Bersama dengan negara-negara lain yang terlibat dalam misi mencari, kita akan meneruskan usaha ini dengan berpandukan sedikit petunjuk yang ada," katanya dalam kenyataan melalui laman blog beliau di [www.najibrazak.com](http://www.najibrazak.com) hari ini.

Pada 8 Mac tahun lalu, pesawat MH370 yang membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal itu hilang daripada skrin radar semasa terbang di Laut China Selatan kurang sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Pesawat Boeing 777-200 itu berlepas pada pukul **12.41** tengah malam dari KLIA dan dijadualkan mendarat di Beijing pada pukul

6.30 pagi hari sama.

Setakat ini, operasi mencari pesawat itu di Lautan Hindi meliputi kira-kira 40 peratus daripada kawasan pencarian seluas 60,000 kilometer (km) persegi manakala pemetaan telah dibuat ke atas kira-kira 208,000 km persegi lautan tersebut.

Perdana Menteri menambah, insiden kehilangan pesawat MH370 merupakan sesuatu yang belum pernah berlaku dan setakat ini, misi mencarinya merupakan yang paling rumit serta paling mencabar dari segi teknikal dalam sejarah penerbangan.

Beliau memberitahu, tiada kata-kata dapat menggambarkan keperitan yang ditanggung oleh semua waris mangsa yang menaiki pesawat berkenaan.

"Ketiadaan jawapan dan bukti kukuh seperti serpihan bangkai pesawat telah menjadikan situasi ini lebih sukar untuk ditanggung," jelasnya.

Menurut Najib, Malaysia turut dibantu oleh pasukan antarabangsa yang besar untuk mencari pesawat tersebut dan kerajaan serta rakyat negara ini tidak akan melupakan dedikasi yang ditunjukkan oleh mereka yang menghulurkan bantuan.

"Kepada semua yang terus berusaha tanpa penat dan jemu untuk mencari lokasi terakhir pesawat MH370, terima kasih," katanya.